

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[MALAY ATHEISTS' THOUGHT OF ISLAM THROUGH SOCIAL MEDIA :
FACEBOOK CONTENT ANALYSIS]**

**FAHAMAN ATEIS MELAYU MENGENAI ISLAM DALAM MEDIA SOSIAL :
ANALISIS KANDUNGAN FACEBOOK**

KAUTHAR RAZALI^{1*}
AMAN DAIMA MD ZAIN²
MUHAMMAD RASHIDI WAHAB²
NORAZILAWATI ABD WAHAB¹

¹Fakulti Pengajian Umum Dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kuala Nerus, 21300 Kuala Terengganu, Malaysia

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, 21300
Kuala Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: kautharrazali@unisza.edu.my

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

This study aims to expose the writings of Malay atheists on Facebook regarding the teachings of Islam in Malaysia. Atheists are a group that rejects belief in God and religion. Furthermore, the existence of this thought is also detected in Malaysia and has successfully influenced some Malay communities to accept atheist thinking. As a result, there are several active Malay atheist groups on social media. They not only establish the Malay atheist movement but also actively write about their views, especially on Islam, through social media, including Facebook. Therefore, this study focuses on three main issues rejected by Malay atheists. The first issue relates to the concept of divinity (creed); the second issue is about the holy book, the Quran, and the third issue concerns worship. This study uses a qualitative method involving content analysis on social media. Their writings found in Malay atheist groups on Facebook from 2018 to 2022 have been analyzed to identify misunderstandings related to the three selected main issues. In addition, secondary sources such as journals, books, and magazines are used to strengthen the conducted study. The study found that the history of atheistic beliefs developed in the Malay Peninsula after the colonization by the communists. The development of this belief further expanded with the advancement of mass media technology, leading to the successful establishment of the Malay atheist movement and active engagement through social media. Furthermore, Malay atheists also use the progress of social media as a medium to criticize fundamental aspects of Islamic creed.

Keywords: Atheist, Malay, Social Media, Facebook, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan penulisan oleh golongan ateis Melayu di Facebook mengenai ajaran Islam di Malaysia. Ateis merupakan kelompok yang menolak kepercayaan terhadap Tuhan dan agama. Tambahan pula, kewujudan pemikiran ini juga dikesan di negara Malaysia dan berjaya mempengaruhi sebahagian masyarakat Melayu untuk menerima pemikiran ateisme. Hasilnya, terdapat beberapa kumpulan ateis Melayu yang aktif dalam media sosial. Mereka bukan sahaja mengasaskan gerakan ateis Melayu, malah pada waktu yang sama golongan ini juga aktif menulis mengenai pandangan mereka terutamanya mengenai agama Islam melalui media sosial termasuk Facebook. Oleh itu, kajian ini menumpukan tiga isu utama yang ditolak oleh golongan ateis Melayu. Pertama isu berkaitan ketuhanan (akidah); Kedua isu kitab suci al-Quran dan ketiga isu ibadah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis kandungan di media sosial. Penulisan mereka yang terdapat di dalam kumpulan ateis Melayu di Facebook daripada tahun 2018 hingga tahun 2022, telah dianalisis untuk mengenal pasti salah faham berkaitan tiga isu utama yang dipilih. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal, buku dan majalah bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa, sejarah fahaman ateisme berkembang di Tanah Melayu selepas penjajahan yang dilakukan oleh komunis. Perkembangan fahaman ini semakin berkembang seiring dengan perkembangan teknologi media massa sehingga menyebabkan gerakan ateis Melayu berjaya diwujudkan dan bergerak aktif melalui media sosial. Malah, ateis Melayu juga menggunakan kemajuan media sosial sebagai medium untuk mengkritik perkara asas dalam akidah Islam.

Kata Kunci: Ateis, Melayu, Media Sosial, Facebook, Malaysia,

Cite as: Kauthar Razali et al., 2023. Fahaman Ateis Melayu Mengenai Islam Dalam Media Sosial: Analisis Kandungan Facebook [Malay Atheists' Thought of Islam Through Social Media: Facebook Content Analysis]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 14-17.

PENGENALAN

Agama merupakan salah satu keperluan manusia sejak dari manusia pertama diciptakan, iaitu Nabi Adam. Kepercayaan kepada Tuhan sudah bermula sejak awal kejadian manusia. Sebahagian ahli perbandingan agama membahagikan agama yang ada di dunia ini kepada dua bentuk agama, iaitu agama Wahyu ataupun dipanggil agama Langit. Manakala bentuk agama yang kedua pula adalah agama Alam atau agama Bumi. Agama Islam, Yahudi dan Nasrani digolongkan dalam agama Wahyu walaupun, hanya Islam sahaja yang dapat dibuktikan kesempurnaannya sehingga sekarang yang masih berpegang pada akidah yang benar, iaitu menyembah Allah Yang Esa. Sementara, agama Buddha, Hindu dan Confucius merupakan agama Bumi kerana kepercayaan yang timbul daripada falsafah dan bukan dari wahyu (Mohd Syariefudin, 2000).

Namun begitu, fahaman menolak kewujudan Tuhan telah mula timbul dalam kalangan ahli falsafah Yunani. Antara tokoh terawal yang memperkenalkan fahaman ini, ialah Diagoras yang merupakan salah seorang ahli falsafah yang terkenal dalam tamadun Yunani. Hal ini dibuktikan dengan pandangannya yang mengkritik Dewa Eleusinian yang tidak mempunyai kuasa untuk menyelamatkan dirinya apabila patung Dewa tersebut telah dibuang olehnya ke dalam lautan api. Selepas itu, pandangan Diagoras mengenai Tuhan telah diikuti oleh ahli

falsafah dalam tamadun Yunani yang lain, seperti Epicurus (Hume, 2007). Selepas itu, fahaman ini semakin berkembang sehingga mula diterima sebagai suatu fahaman yang baharu dalam kalangan masyarakat Muslim. Pemikiran ateisme berkembang pada abad ke-8 hijrah yang bermula dalam kalangan ahli falsafah yang terpengaruh dengan falsafah Yunani. Golongan ini digelar sebagai golongan dahriyyun (golongan yang percaya semua benda tercipta tanpa pencipta) dan juga dipanggil golongan zindiq oleh Imam Ghazali (1436H).

Pemikiran kelompok Dahriyyun terbahagi kepada dua fahaman. Kelompok yang pertama menyatakan bahawa Tuhan menciptakan bintang-bintang di langit yang bergerak dengan gerakan yang sangat kuat sehingga menyebabkannya terbakar tanpa dapat dikawal dan tidak dapat dihentikan pergerakan tersebut. Kelompok kedua pula menyatakan bahawa segala penciptaan di bumi ini tiada permulaan, dan segala kejadian yang terjadi adalah tabiat semulajadi dan peredaran zaman yang memusnahkannya (Khairuddin, 2022). Perkembangan fahaman mengenai penolakan terhadap kewujudan Tuhan dalam kalangan masyarakat Islam semakin berani untuk ditonjolkan sehingga membawa kepada pertubuhan “Atheist Republic” yang diasaskan oleh bekas Muslim yang telah menjadi ateis, iaitu Armin Navabi. Pertubuhan ini telah menarik perhatian ramai golongan ateis daripada pelbagai negara, terutamanya bekas Muslim yang telah murtad dan mempunyai kecenderungan untuk menjadi ateis pada masa kini (Malik, 2018).

Oleh itu, sejarah Barat dan Islam menunjukkan pemikiran menolak kewujudan Tuhan sudah wujud sejak zaman silam dan semakin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Pada waktu yang sama, golongan ini juga semakin berani mempamerkan pemikiran mereka berbanding golongan ateis pada zaman dahulu. Segala maklumat untuk menyebarkan fahaman ateisme ini juga mudah disebarkan. Pemikiran ini juga telah merebak ke negara-negara Asia, seperti China, Indonesia dan Malaysia. Di Malaysia sendiri, terdapat kumpulan ateis yang disertai oleh orang Melayu dalam media sosial seperti Facebook. Antara kumpulan ateis yang aktif di Facebook adalah Warung Atheist (Muhammad Rashidi & Muhammad Faisal, 2018).

Kemunculan internet telah menjadi pemangkin kepada perkembangan serta penyebaran pemikiran ini. Kesan daripada teknologi internet telah menyebabkan, maklumat dari seluruh dunia mudah untuk dicapai dan tersebar dengan cepat, termasuk isu yang menyentuh sensitiviti agama. Menurut statistik pada tahun 2015, sebanyak 17 juta daripada 30.51 juta orang di Malaysia adalah pengguna aktif media sosial (Kemp, 2015). Isu agama yang dahulunya sensitif dan jarang dikritik kini dipertikaikan secara terbuka di media sosial. Mereka kini berani bersuara dengan lantang membincangkan pemikiran menolak ketuhanan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam. Orang Melayu Islam terkenal sebagai orang yang beragama Islam. Dalam perlembagaan Malaysia - Akta 162(2): Melayu ditakrifkan sebagai seseorang yang menganut agama Islam, mematuhi adat resam Melayu, dan lazim bertutur dalam bahasa Melayu. Perlembagaan ini menunjukkan bahawa Melayu dan Islam tidak dapat dipisahkan. Apabila seseorang itu meninggalkan Islam, dia bukan lagi lelaki atau perempuan Melayu, mengikut perlembagaan Malaysia.

Dr Asyraf Wajdi yang merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2017, menyatakan terdapat pengikut fahaman ini yang aktif dalam media sosial, seperti Facebook dan usaha untuk mengiktiraf pemikiran tidak beragama di Malaysia melalui perhimpunan kelab Atheist Republic cawangan Kuala Lumpur di media sosial. Namun begitu,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) supaya fahaman ini dapat dicegah sebelum ianya semakin berkembang pesat, tetapi penyelesaian terhadap kes ini masih belum dapat diselesaikan atau ditangani. Oleh itu, bagi menyelesaikan beberapa masalah kajian, artikel ini akan menganalisis penolakan ateis Melayu dalam Facebook terhadap tiga yang tisu yang utama, iaitu isu berkaitan ketuhanan (akidah), kitab suci al-Quran dan ibadah, iaitu puasa.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan penyelidikan berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan. Analisis kandungan yang dimaksudkan adalah dengan menganalisis penulisan oleh ateis Melayu yang terdapat di Facebook pada tahun 2018 hingga tahun 2022. Tiga isu yang dianalisis adalah penolakan terhadap tauhid *Rububiyah* dan *Uluhiyyah*, al-Quran serta ibadah. Pandangan tersebut dibincangkan dan dianalisis berdasarkan perspektif pengkaji dan disokong dengan bahan sekunder seperti dokumen bertulis.

DEFINISI ATEIS

Ateis ialah pemikiran yang menolak kewujudan Tuhan secara metafizik kerana Tuhan tidak dapat dibuktikan oleh ilmu (Nielsen, 2021). Oleh itu, definisi yang diberikan Nielsen ini merujuk kepada ateis merupakan golongan yang tidak percaya adanya Tuhan. Istilah ateis juga diambil daripada perkataan Greek, iaitu ‘a’ merujuk kepada ‘tiada’ dan theos merujuk kepada ‘Tuhan’, oleh itu ateis berdasarkan definisi ini bermaksud tiada tuhan (The Cambridge Dictionary of Philosophy (2015). Kamus falsafah menerangkan bahawa fahaman ateisme adalah pemikiran yang tidak mempunyai keyakinan terhadap Tuhan dan menolak penyembahan terhadap Tuhan. Perkembangan falsafah ilmu sekular telah melahirkan fahaman yang menolak kehadiran Tuhan dan dipandang menyekat kebebasan manusia (Prayogo, 2019). Agama juga dianggap sebagai suatu khayalan dan ilusi. Amalan agama dianggap sudah tidak relevan kerana tidak boleh diukur dengan akal (Handy, 2023). Oleh itu, definisi ateis menurut Barat adalah golongan yang menolak kepercayaan terhadap Tuhan dan agama kerana Tuhan tidak dapat dibuktikan kewujudannya oleh ilmu pengetahuan. Selain itu, manusia pada zaman moden tidak memerlukan agama.

Manakala ateis menurut Islam adalah berdasarkan konsep ‘ada’ yang bermaksud segala perkara yang ada di dunia ini memiliki sifat dan zat yang dapat dilihat oleh manusia. Manakala konsep ‘tiada’ itu bermaksud segala perkara yang tidak mempunyai bentuk atau zat yang tidak nyata (Rasyidi, 1970). Kesan daripada konsep pemikiran ini telah meletakkan Tuhan ke dalam kategori ‘tiada’ dan dianggap sebagai perkara yang tidak mempunyai zat. Dalam bahasa arab pula, ateis dipanggil *al-ilhad* (الإلحاد). Huruf *lam*, *ha*’ dan *dal* adalah merujuk kepada menyimpang daripada jalan yang lurus. *Alhad al-rajul* (أَلْحَدَ الرَّجُلُ) bermaksud seorang lelaki telah menyimpang daripada jalan kebenaran dan telah keluar daripada akidah yang benar (Ibnu Faris, 1999). Fahaman ateisme juga dikategorikan sebagai *dahriyyah*, zindik dan *mulhid* menurut istilah arab. Istilah *dahri*, *dahriah* atau *al-dahriyyah* adalah golongan yang mendakwa

alam ini terjadi secara semulajadi tanpa pencipta (Kamus Dewan, 2007) atau mulhid, golongan yang menolak kewujudan Tuhan (Kamus Dewan, 2007) dan tidak mempunyai keimanan terhadap hari pembalasan (al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi, 2003). Al-Dahriyyah telah dijelaskan di dalam surah al-Jathiyah ayat dua puluh empat :



Maksudnya : “Kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan peredaran waktu.

Menurut Wan (2020), penjelasan ayat al-Quran ini menyatakan mengenai golongan yang dikenali sebagai golongan materialisme, iaitu membawa fahaman yang mengatakan segala sesuatu yang terjadi di dunia ini adalah penyebab daripada benda dan menolak Tuhan sebagai pencipta kepada segala sesuatu di dunia ini. Oleh itu, fahaman ini golongan yang mempunyai fahaman materialisme menyamai fahaman golongan *al-Dahriyyah*. Selain itu, menurut Zakiah (2009), ateis juga mempunyai definisi yang sama dengan istilah zindik. Istilah zindik berasal daripada bahasa Parsi, iaitu *zan-din*. Ada juga pandangan yang menerangkan istilah zand atau zend bermaksud penerangan (*explanation*) kitab suci yang terdapat dalam aliran Zaradusht atau Zoroaster. *Mulhid* pula berasal daripada istilah *alhada*, *yulhidu*, *ilhada* yang bermaksud menyeleweng, memasukkan sesuatu yang bersalahan dan memfitnah ke atas kebenaran. *Mulhid* juga bermaksud pemfitnah dan penyeleweng agama (al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi, 2003).

Menurut Saeed (2006), ateis membawa dua elemen pemikiran, iaitu identiti dan ideologi dari sudut sosial-politik. Ideologi yang dibawa, ialah liberalisme dan sekularisme. Maka dapat dirumuskan bahawa fahaman ateisme lahir daripada liberalisme dan sekularisme yang dibawa oleh falsafah Barat. Fahaman liberalisme bermaksud berpandangan bebas, bersifat terbuka dan tidak terkongkong dengan suatu aliran pemikiran sahaja (Kamus Dewan, 2007). Manakala sekularisme menurut Kamus Dewan membawa maksud fahaman yang memisahkan agama daripada urusan-urusan harian seperti pentadbiran awam (Kamus Dewan, 1994).

Oleh itu, pemikiran ini jelas menunjukkan bahawa golongan yang mempunyai pemikiran ateisme ingin bebas daripada mana-mana pegangan agama dan tidak terikat dengan undang-undang yang telah ditetapkan oleh agama dalam segala urusan keduniaan. Berdasarkan definisi yang telah dijelaskan menunjukkan pemikiran ini merupakan kelompok yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan, mengatakan alam ini berevolusi dengan sendirinya, cuba mengukur segala perkara dengan akal dan menghilangkan agama dalam kehidupan manusia dengan mendakwa manusia tidak mampu berfikir dengan rasional apabila terikat dengan pegangan agama.

BANGSA MELAYU DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Definisi orang Melayu menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan adalah seseorang yang menganut agama Islam, bercakap bahasa Melayu, dan mematuhi adat Melayu.

Berdasarkan perlembagaan ini orang Melayu dan Islam merupakan dua perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Kesannya jika ada bangsa Melayu yang ingin keluar daripada agama Islam atau murtad, maka tidak boleh dianggap individu tersebut berbangsa Melayu mengikut Perlembagaan. Individu tersebut tidak layak mendapat hak istimewa bumiputera Melayu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, sekiranya terdapat orang Melayu yang ingin keluar daripada agama Islam akan dianggap sebagai melanggar Perlembagaan. Perkara ini dibuktikan melalui keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak permohonan seorang wanita Melayu, iaitu Lina Joy yang tidak ingin lagi menjadi penganut agama Islam (Nisar Mohammad, 2020).

Kedatangan Islam dalam sejarah Tanah Melayu sebelum membentuk Malaysia telah membentuk identiti bangsa Melayu. Identiti Melayu secara bertahap telah dibentuk dan dipengaruhi oleh ajaran agama Islam, seperti menukar nama-nama Melayu Klasik, iaitu Puspa, Putera, Aduka, Melati dan sebagainya kepada nama-nama Arab, iaitu Faridah, Ahmad, Muhammad dan sebagainya. Begitu juga dengan ritual ibadah, budaya, cara berpakaian, bahasa dan makanan (Andaya 1984; Barnar 2004 & Yaacob 2009). Frith (2000) pula mengatakan istilah Melayu sinonim dengan Muslim kerana bangsa Melayu dikenali sebagai suatu kumpulan etnik yang menganut agama Islam dan menyumbang kepada pembentukan "*ethnoreligious*". Berdasarkan perspektif ini dapat difahami bahawa hubungan Melayu dan Islam sangat kuat sehingga dijadikan suatu Perlembagaan di Malaysia. Persepsi umum mengaitkan Islam di Malaysia merujuk kepada bangsa Melayu. Jadi sekiranya terdapat mana-mana orang Melayu yang ingin keluar daripada agama Islam akan dianggap suatu kesalahan yang besar dalam undang-undang di Malaysia dan isu yang sensitif bagi masyarakat Islam.

SEJARAH PEMIKIRAN ATEIS DALAM KALANGAN ORANG MELAYU

Penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511 telah membuka ruang kepada penyebaran budaya dan pemikiran daripada Barat dalam kalangan masyarakat Melayu (Chin Yee Mun, 2006). Pada mulanya, kerajaan Portugis menetapkan suatu peraturan di Melaka dengan mengadakan perhimpunan setiap hari ahad di semua kota-kota besar untuk memperingati Perang Salib yang terjadi di antara orang Kristian dan orang Islam (Ahmat, 2006). Portugis juga membina gereja di Tanah Melayu dan meletakkan paderi di gereja yang dibina dengan elauan yang disediakan. Pada tahun 1895, kerajaan British pula membentuk persekutuan dengan menyatukan semua wilayah yang telah dikuasai oleh residen British (Nik Anuar, 2009). Kesan penjajahan kuasa Portugis dan British ini dengan telah berjaya memasukkan agama Kristian dalam sistem pentadbiran dan pendidikan di Tanah Melayu. Antaranya penubuhan sekolah agama Kristian dan penterjemahan kitab Bible ke dalam bahasa Melayu (Lee 2016). Ramai golongan elit Melayu yang dihantar ke sekolah yang telah ditubuhkan oleh penjajah British dan dididik mengikut sistem pembelajaran daripada Eropah (Izzati, 2014).

British juga meletakkan Syarikat Hindia Timur Inggeris, sebuah syarikat perdagangan British untuk menguasai ekonomi Tanah Melayu dengan menjalankan perniagaan candu, arak dan judi (Coleman, 1992). Oleh itu, berdasarkan kajian lepas yang dijalankan menunjukkan bahawa penjajahan daripada Barat ini adalah permulaan kepada penjajahan minda orang Melayu dengan menerima fahaman daripada luar pemikiran Islam di Tanah Melayu. Contohnya, sistem pentadbiran yang diubah daripada sistem yang mengikuti undang-undang

Islam kepada undang-undang daripada Barat dan perniagaan yang haram menurut agama Islam.

Selepas itu, pada tahun 1925, terdapat penghijrahan Imigran Cina ke Tanah Melayu membawa fahaman komunisme dari negara Cina (Zulhilmi & Rohani, 2010). Fahaman ini disebarkan dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu yang membawa kepada penubuhan gerakan komunis. Penubuhan Parti Komunis Malaya pada tahun 1930 membawa fahaman komunisme, iaitu fahaman yang ingin menjadikan pengeluaran barang-barang pengguna adalah milik bersama negara dan rakyat. Fahaman ini juga mempunyai pemikiran ateisme yang menolak kepercayaan beragama dalam kalangan masyarakat pada waktu tersebut di Tanah Melayu. Fahaman ini diasaskan oleh Karl Max yang menyatakan agama adalah candu kepada manusia dan suatu khayalan (Aji et al 2020). Pada awalnya, Parti Komunis Malaya (PKM) menjalinkan kerjasama dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Tanah Melayu. Namun begitu, terdapat pemimpin KMM, iaitu Mokhtarudin Lasso telah terpengaruh dengan fahaman komunis yang dibawa oleh Parti Komunis Malaya. Malah penasihat KMM, ialah Sultan Djenain juga mengakui dirinya mempunyai fahaman ateisme.

Hal ini juga disokong oleh pernyataan daripada Mokhtaruddin Lasso yang mengatakan bahawa Tuhan tidak ada dalam dialognya dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy (Muhammad Rashidi, 2018). Selepas itu, berlakunya penyebaran fahaman komunisme di Tanah Melayu pada tahun 1926 melalui risalah (Chin Yee Mun, 2006). Pihak komunis juga mendapat kerjasama daripada British untuk mengalahkan penguasaan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 yang menyebabkan Jepun berundur daripada Tanah Melayu pada tahun 1945. Selepas Jepun berundur, Tanah Melayu diperintah oleh komunis selama 14 hari sebelum diserahkan kepada British, British Military Administration (BMA) (Haniffa & Mohamad, 2017). Gerakan komunis ingin membentuk republik komunis di Tanah Melayu namun gagal kerana Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada 1 Februari 1948 (Ilyas, 2021).

Namun begitu, kesan pemikiran ateisme yang dibawa oleh komunis telah mempengaruhi segelintir masyarakat Melayu. Hal ini dibuktikan dengan penulisan syair oleh Kassim Ahmad yang mempunyai unsur ateisme dan penulis yang bernama Nordin Omar yang mengaku dirinya adalah Tuhan (Muhammad Rashidi, 2018). Selain itu, novel yang bertajuk *Atheist* juga telah digunakan sebagai buku rujukan bagi pelajar sekolah yang menyebabkan terdapat seorang pelajar mendakwa Islam merupakan agama yang sudah tidak lagi relevan (Abdul Rahman, 1998). Tambahan pula, medium penyebaran pemikiran ateisme dalam kalangan masyarakat Melayu semakin berkembang dengan penggunaan teknologi media massa untuk menulis mengenai pandangan mereka dan tidak takut mengisytiharkan kemurtadan mereka dalam media sosial secara terang-terangan (Farahwahida et al, 2012). Oleh itu, berdasarkan sejarah perkembangan fahaman ateisme dalam kalangan masyarakat Melayu menunjukkan bahawa fahaman ini disebarkan dengan menggunakan pelbagai medium yang ada untuk menulis mengenai pemikiran mereka supaya dapat dibaca oleh masyarakat awam.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Kelebihan medium media sosial dilihat mampu menyembunyikan identiti seseorang yang bebas untuk mengamalkan pemikirannya dan ideologinya tanpa perlu mendedahkan dirinya di khalayak (Bunt, 2009; McAlexander et al, 2014). Golongan ateis juga dilihat tidak terkecuali menggunakan media sosial untuk bebas menulis mengenai ideologi mereka dengan

menggunakan nama samaran terutamanya ateis yang tinggal di negara Islam. Oleh itu, analisis terhadap penulisan dari ateis Melayu dari Malaysia telah dibuat dan pengkaji menumpukan media sosial Facebook sahaja kerana media sosial ini banyak digunakan oleh golongan ini berbanding media sosial lain. Penulisan diambil daripada kumpulan ateis Melayu yang terdapat di Facebook, seperti Warung Atheist, Malay Atheist, Kiub Batu Itu Berhala dan penulisan daripada individu ateis yang dikenali dengan Encik Mulhid. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga isu utama yang ditulis oleh kebanyakan ateis Melayu.

Isu yang pertama adalah isu akidah dengan menolak kepercayaan terhadap Allah SWT dan menafikan kewujudan Allah SWT. Golongan ini menganggap agama adalah ciptaan manusia, menafikan sifat ketuhanan yang dimiliki Allah SWT dengan membentangkan hujah-hujah berkaitan saintifik, menafsirkan ayat al-Quran sesuka hati mereka tanpa merujuk kepada ahlinya sehingga menimbulkan salah faham terhadap tauhid dan akidah. Antara kenyataan yang dapat dilihat dalam penulisan mereka di Facebook:

“Let me show you this concept of God does is completely illogical. Let say God does exist, please tell me among the many Gods there are, which God is the most true and worthy of worship? Please give the most thoughtful answer”

(Demang Hafiz, 1 November 2022)

Berdasarkan petikan ini, penulis meminta supaya ditunjukkan Tuhan yang perlu disembah kerana terdapat pelbagai agama di dunia ini. Semua penganut agama mengatakan agama mereka yang paling benar berbanding agama lain. Pada pandangannya, konsep ketuhanan adalah tidak boleh diterima oleh akal kerana terlalu banyak agama dan Tuhan di dunia ini. Selain itu dalam penulisan lain pula mengatakan Tuhan pada asalnya merupakan suatu tenaga mengikut hukum Fizik, iaitu semua benda terdiri daripada tenaga yang bergetar mengikut frekuensinya. Contohnya sebuah objek nyata seperti buku dilihat sebagai objek yang kaku, padat dan keras. Jika dilihat dengan lebih dekat, maka dapat difahami bahawa buku tersebut terdiri daripada molekul yang saling terikat antara satu sama lain. Jika dilihat dengan lebih mendalam lagi, akan terlihat susunan atom yang membentuk molekul tersebut. Perkara yang sama juga berlaku dalam penciptaan kejadian alam ini yang berasal daripada suatu tenaga. Hanya kajian yang menggunakan alatan sains sahaja yang mampu melihat hakikat kejadian ini dan semua manusia mempunyai salah faham terhadap tenaga ini yang digambarkan sebagai Tuhan, iaitu mempunyai kuasa yang sangat hebat dan sepatutnya disembah serta dipuja. Ini menunjukkan, Tuhan yang disembah oleh manusia adalah suatu tenaga yang berlaku dalam fenomena semula jadi. Fenomena ini hanya mampu dijawab oleh sains sahaja, bukan ajaran agama (El Ghazali, 1 Oktober 2022).

Namun begitu, kejadian penciptaan alam menurut perspektif kaedah mantik, Tuhan dapat dibuktikan kewujudannya. Dalil kewujudan Tuhan dalam ilmu mantik terbahagi kepada dua premis, iaitu premis pertama ialah “dunia ini baharu”. Seterusnya premis kedua mengatakan sesuatu yang baru pasti ada pembuatnya. Pencipta yang menciptanya. Maka natijahnya dunia ini memerlukan Pencipta iaitu Allah SWT. Oleh itu, ini membuktikan bahawa Tuhan itu wujud. Segala sesuatu yang ada di dunia ini tidak mungkin wujud dengan sendirinya (Ibnu Abidin, 2003). Jika difikirkan secara logik, adakah alam semesta semesta ini terjadi dengan sendiri?

Adakah boleh diterima sesuatu itu muncul dengan sendiri? Secara kiraan matematikanya, $0 + 0 = 0$ dan bukannya 1 atau 2. Sesuatu yang diciptakan daripada sesuatu yang tiada, semestinya memerlukan sebab dan akibat yang membawa kepada penciptaanya. Jika sesuatu perkara itu wujud, sudah pasti alam itu tidak wujud sebelumnya. Oleh itu, berdasarkan kajian daripada Ibnu Abidin (2003) ini membuktikan bahawa kewujudan Allah itu dapat dibuktikan melalui ilmu mantik dengan melihat penciptaan alam ini. Penciptaan alam semesta ini berasal daripada satu sel. Namun begitu, sel tersebut tidak dapat diketahui asalnya, melainkan terdapat Pencipta yang mencipta asal kepada punca penciptaan alam semesta.

Manakala isu kedua yang banyak disentuh oleh golongan ateis Melayu dalam Facebook adalah penolakan terhadap al-Quran. Golongan ateis Melayu mendakwa bahawa al-Quran tidak lagi relevan untuk digunakan pada zaman sekarang kerana kitab tersebut merupakan buku undang-undang yang dicipta oleh tokoh agama pada zaman dahulu untuk mengawal manusia (Jalal, 2 Ogos 2021). Antara kenyataan lain yang menolak al-Quran sebagai kitab suci dapat dilihat berdasarkan penulisan oleh Alizah Mohd Noor pada tahun 2018 :

“Mengapa Allah tidak memelihara kitab sebelum al-Quran seperti Bible jika benar mengharap manusia dapat memahami arahanNya dan tidak terkeliru. Dengan membiarkan banyak kitab di muka bumi ini, yang dipesong dan yang tak dipesong ia menambahkan lagi kekeliruan”.

Berdasarkan kenyataan penulis yang mengatakan sebelum al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, terdapat beberapa kitab suci lain yang telah diturunkan kepada para Rasul terdahulu. Namun begitu, kitab tersebut telah diubah suai kandungannya. Penulis mempersoalkan bilangan kitab yang banyak dan kesahihan kitab tersebut untuk diikuti oleh manusia. Menurut Ruslinawati & Mohamad Shahril (2020), kejadian mengenai penciptaan alam semesta terdapat di dalam ayat al-Quran, iaitu surah Ad-Dharyyat. Surah tersebut telah menggambarkan fenomena ini dengan sempurna melalui ayatnya:



Maksudnya : Dan Kami telah membina syurga dengan mungkin dan Kami terus mengembangkannya sesungguhnya,

(al-Quran 51:4).

Menurut Danial (2009), ayat ini menerangkan kepada manusia bahawa alam semesta telah berkembang. 'La-mūsi'ūna' kalimah dalam bahasa arab memberitahu bahawa alam semesta akan terus mengembang. Penjelasan ayat ini menyamai dengan pandangan yang diberikan oleh Einstein mengenai penciptaan alam semesta berdasarkan kajian saintifik bahawa alam semesta ini mengembang. Pengembangan semula misteri ini didorong oleh satu tenaga yang dipanggil tenaga gelap. Kira-kira 5 bilion tahun yang lalu, anti-graviti misteri ini mula menolak alam semesta keluar sekali lagi. Selain itu, al-Quran juga telah menjelaskan penciptaan manusia sejak dari alam rahim bertepatan dengan penjelasan ilmiah menurut sains. Allah SWT berfirman di dalam surah Nuh, ayat 14:



Maksudnya : Mengapa kamu tidak percaya akan kebesaran Allah?. Padahal Dia sesungguhnya telah menciptakan kamu dalam beberapa tingkatan kejadian

(al-Tur:13-14)

Melalui penjelasan ayat ini menjelaskan bahawa manusia tercipta melalui pelbagai peringkat yang berbeza, dalam pelbagai bentuk dan syarat (atwāran) bermula dari air mani sebelum menjadi janin . Manakala menurut perspektif sains moden, dijelaskan bahawa proses kejadian manusia juga terjadi dalam tiga peringkat, iaitu fasa zigot yang bermula daripada awal pembentukan sel sehingga akhir minggu ke 2. Fasa kedua adalah fase embrio yang bermula dari akhir minggu ke 2 hingga akhir bulan ke 2 dan fase terakhir adalah pada bulan ke 2 hingga kelahiran (Yusa, 2016). Berdasarkan perspektif sains moden ini menyamai penjelasan ayat al-Quran mengenai peringkat penciptaan manusia bermula daripada awal pembentukan janin. Oleh itu, kajian daripada Marthana dan Ruslinawati serta Mohd Shahril meunjukkan bahawa kitab al-Quran merupakan sumber ilmu pengetahuan yang sempurna dan tidak mempunyai kecacatan di dalam kandungannya. Kitab suci al-Quran juga mengandungi bukan sahaja ilmu tauhid, malah ilmu sains kemanusiaan dan juga ilmu sains hayat yang menjadi teras kehidupan manusia.

Manakala isu ketiga yang ditulis oleh golongan ateis, adalah ibadah puasa. Amalan ibadah puasa dikatakan memberi keburukan terhadap kesihatan Muslim yang berpuasa. Muslim juga dipaksa menunaikan ibadah puasa kerana diancam dengan balasan yang buruk seperti dosa jika meninggalkan amalan tersebut. Ibadah puasa juga menyebabkan Muslim yang miskin terpaksa mengeluarkan zakat kerana perkara tersebut antara salah satu kewajipan umat Islam di bulan Ramadan. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi penulisan di Facebook :

“Puasa tidak dapat merasai kesusahan orang miskin seperti yang didakwa oleh Zen Firidy. Ibadah puasa yang dilakukan tidak memberikan pengajaran kepada orang Islam, seperti kesusahan orang miskin, malah menambahkan lagi penderitaan terhadap orang miskin yang dipaksa berpuasa sebagai seorang Muslim. Contohnya ramai umat Islam yang melakukan pembaziran ketika berbuka puasa dan dipaksa membayar zakat, malah orang miskin juga perlu membayar zakat sebagai kewajipan seorang Muslim

(Zen Firidy, 18 Mei 2018)”

“Ajaran puasa adalah amalan ibadah yang tidak logik dan mendatangkan penyakit seperti paras gula rendah di dalam badan yang akan menyebabkan kekejangan anggota badan manusia. Oleh itu, berpuasa akan membawa kepada kematian otak kerana oksigen tidak sampai kepadanya”

(Aziz Kassim, 18 Mei 2018)

Dalam fikah puasa terdapat syarat-syarat untuk umat Islam berpuasa dan juga

keringanan bagi umat Islam yang tidak mampu berpuasa. Perkara ini telah dijelaskan dalam ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 184 :



Maksudnya : “Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain”.

(al-Baqarah:184)

Berdasarkan ayat ini menunjukkan bahawa agama Islam adalah agama yang mudah untuk diamalkan termasuk kewajipan puasa. Malah, terdapat keringanan untuk sebilangan kelompok yang tidak menjalankan ibadah ini. Antara golongan yang tidak diwajibkan berpuasa adalah seseorang yang sedang bermusafir dengan memenuhi syarat permusafirannya dan seseorang yang mempunyai penyakit dan tidak mampu untuk berpuasa. Jika pesakit tersebut berpuasa menyebabkan mudarat yang lebih besar terhadap pesakit tersebut, maka dibolehkan untuk tidak berpuasa. Golongan ini perlu membayar fidyah bagi puasa yang ditinggalkan dengan memberi makan terhadap fakir miskin (Ahmad, 2015). Penjelasan ini menunjukkan agama Islam sangat mengambil berat terhadap golongan miskin dan menyangkal dakwaan golongan ateis bahawa puasa memberi keburukan terhadap golongan fakir miskin. Malah fidyah yang dibayar disalurkan terhadap golongan asnaf dan fakir miskin.

Hal yang sama juga bagi pembayaran zakat di bulan Ramadan yang didakwa menindas golongan miskin yang wajib membayar zakat. Namun begitu, menurut Yusuf al-Qardawi (1987) yang mendefinisikan zakat dengan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah SWT untuk diserahkan kepada orang yang berhak iaitu mengeluarkan jumlah tertentu. Jumlah yang dikeluarkan dari kekayaan itu disebut zakat kerana apa yang dikeluarkan itu bertambah banyak, lebih bererti dan dapat melindungi kekayaan daripada binasa. Jika diteliti penjelasan oleh Yusuf al-Qardawi, zakat ini diwajibkan ke atas setiap muslim untuk diserahkan kepada penerima zakat dan antara penerima zakat adalah golongan asnaf dan fakir miskin. Zakat yang diterima dapat membantu golongan fakir miskin meneruskan kehidupan mereka dan membeli keperluan mereka pada bulan Ramadan dan musim perayaan. Perkara ini menolak dakwaan bahawa bulan Ramadan menindas golongan miskin malah memberi kelebihan terhadap golongan ini dengan pembayaran zakat dan fidyah.

Manakala dari sudut saintifik pula puasa memberikan kelebihan terhadap kesihatan manusia. Terdapat beberapa kajian moden terhadap ibadah puasa yang dijalankan oleh umat Islam. Kongres Antarabangsa di Casablanca pada tahun 1994 telah membentangkan kertas kerja daripada penyelidik Islam dan bukan Islam. Kajian mendapati amalan berpuasa pada bulan Ramadan mempunyai kesan yang baik terhadap fisiologi dan psikologi. Antara kesan yang baik pada fisiologi ini termasuklah, merendahkan paras gula dalam darah, kolesterol dan tekanan darah sistolik. Selain itu, berpuasa juga dapat memberi kelebihan dari sudut psikologi seseorang. Berpuasa dapat memberi ketenangan dan kedamaian pada minda, serta dipercayai berkaitan dengan paras gula dalam darah yang semakin stabil. Cott (2004) pula menjelaskan

menerusi kajiannya, puasa mempengaruhi kecerdasan seseorang. Perkara ini dilihat melalui ujian yang dilakukannya terhadap sekumpulan kumpulan yang berpuasa dan kumpulan yang tidak berpuasa. Hasil keputusan menunjukkan kumpulan yang rajin berpuasa memperoleh skor (markah) yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang tidak berpuasa. Perut dan usus kumpulan yang berpuasa juga menunjukkan proses pencernaan yang baik berbanding kumpulan yang tidak berpuasa. Kajian saintifik ini menolak hujah oleh golongan ateis yang mendakwa puasa memberi keburukan terhadap kesihatan seseorang seperti kekurangan oksigen. Malah berpuasa juga mampu memberikan kesan yang positif terhadap kesihatan manusia.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas boleh dirumuskan bahawa ateis Melayu dilihat mencabar perlembagaan negara yang menetapkan bahawa orang Melayu adalah penganut agama Islam. Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh golongan ini telah menunjukkan bahawa akidah mereka telah terbatal dengan menolak perkara yang asas, iaitu keimanan terhadap Allah SWT dan menolak keimana terhadap kitab suci. Penjajahan komunis di Tanah Melayu juga merupakan antara faktor utama terhadap perkembangan pemikiran ateisme dalam kalangan segelintir masyarakat Melayu sehingga berjaya mengasaskan gerakan ateis Melayu dalam media sosial. Penulisan oleh golongan ateis Melayu juga menunjukkan bahawa mereka berpandukan emosi dalam penulisan mereka di media sosial untuk menolak agama Islam sebagai agama yang sempurna dan syumul. Golongan ini juga menuntut bukti kewujudan Tuhan melalui kajian saintifik, kerana berpegang bahawa semua zat yang ada di dunia ini perlu dilihat dan dirasai oleh pancaindera. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pentingnya peranan ilmu mantik dan ilmu kalam bagi menentang golongan ateis dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa terdapat golongan ateis dalam kalangan orang Melayu yang sinonim sebagai penganut agama Islam di Malaysia. Kajian ini dapat mencadangkan supaya semua pihak sama ada individu, masyarakat dan pihak berkuasa perlu berkerjasama mengikut bidang kuasa masing-masing untuk menjalankan pelbagai usaha bagi menangani isu pemikiran menolak Tuhan, sebelum pemikiran tersebut semakin berkembang dalam kalangan umat Islam di negara ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, A. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, S. (2015). *Fikah Puasa Mazhab Asy-Syafii*. Santai Ilmu Publication.
- Ahmat, M. (2006). *Penjajahan Portugis Dan Sepanyol Keatas Asia Tenggara: Satu Pengamatan Semula*. Karisma Publications.
- Aji, A. M., Yunus, N. R., & Putra, G. R. A. (2020). Communism And Its Influence On The Emergence Of Atheism. *Palarch's Journal Of Archaeology Of Egypt/ Egyptology*, 17(9), 411-424.
- al-Ghazali, A. H. M. (2015). *Al-Munqidh min al-Dalal wa al-Mafsih bi al-Ahwal*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi. (2003). *Munadhamah al-Arabiyah al-Tsaqofah wal ulum*.

- Tunisia.
- al-Qardawi, M. Y. (1987). *Hukum Zakat, Singapura*. Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd.
- al-Quran Al-Karim, Rasm Uthmani.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (1984). *A History of Malaysia*. London: Palgrave Macmillan.
- Barnar, T. P. (2004). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Bunt, G. R. (2009). *iMuslims: Rewiring the House of Islam*. Chapel Hill: University of North Carolina Press.
- Chin, Y. M. (2006). *Ilmu, Persepsi & Integriti*. Prentice Hall Malaysia.
- Coleman, J. (1992). *Conspirators' Hierarchy: The Story of the Committee of 300*. America West Publishers.
- Cott, A. (2004). *Fasting: The Ultimate Diet*. Hastings House.
- Danial, Z. A., (2009). *Quran Saintifik, Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. PTS Millenia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). *Kamus Dewan*. 3th ed, Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan*. 4th ed, Kuala Lumpur.
- Farahwahida, M. Y., Rosmana, A. S., Suratmana, A. S., Ripina, M. N., & Ruskam, A. (2012). Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 41–50.
- Frith. (2000). "Ethno-Religious Identity And Urban Malays in Malaysia." *Asian Ethnicity(Routledge)*, 1 (2), 117–129.
- Handy, C. (2023). *Gods Of Management*. Gorambles.
- Haniffa, M. A., & Mohamad, A. N. A. (2017). Impak Penjajahan British Dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu: The Effects of British and Japanese Occupations Towards Chinese-Malay Relationship in Malaya. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 94-106.
- Hume, D. (2007). "Part 10." In *Hume: Dialogues Concerning Natural Religion*, edited by D. Coleman, New York: Cambridge University Press.
- Ibn Faris al-Qazwini. (1999). *Mu'jam maqayis al-lughah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz ibn Aḥmad in 'Abd ar-Rahim ibn Najmuddin ibn Muhammad Salahuddin al-Shami. (2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*.
- Ilyas, A. (2021). Perpaduan dan Krisis Politik Melayu: Satu Analisis. *Journal of Administrative Science*, 18(1), 323-333.
- Izzati, M. Y. (2014). Impak Kolonial Terhadap Pendidikan Orang Melayu. In: *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014)*.
- Kauthar, R., Daima, A., & Saliana, S. (2021). Review Book: *Why There Is No God, Simple Responses to 20 Common Arguments for The Existence of God* and Discussion According to An Islamic Perspective. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*, 11(11), 535-541.
- Kemp, S. (2015). *Digital, Social & Mobile Worldwide in 2015*. We are social. lihat: <https://wearesocial.com/us/blog/2015/01/digital-social-mobile-worldwide-2015/>.
- Khairuddin, W. H. (2022). Ateisme Dalam Wacana Ilmu Kalam. *International Journal of*

- Islamic Thought*, (22), 2232-1314.
- Lee, G. (2016). *Malaya Through One Man's Eyes*. Biblioasia Singapore.
- Lovett, R. (2003). "Fasting Away Disease?" *Psychology Today*. Lihat: <https://www.psychologytoday.com/us/articles/200307/fasting-away-disease>.
- Malik, S. A. (2018). *Atheism and Islam A Contemporary Discourse*. Kalam Research And Media.
- McAlexander, J. H., Leavenworth Dufault, B., Martin, D. M., & Schouten, J. W. (2014). The Marketization of Religion: Field, Capital, and Consumer Identity. *Journal of Consumer Research*, 41(3), 858–75.
- Mohd Syarifudin Abdullah (2000). Perbandingan Antara Peradaban Jepun Dan Islam : Satu Analisis Dari Aspek Kepercayaan. Universiti Malaya.
- Muaz, Norita, & Fakhri Sungip. (2016). Konsep Zakat Dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat. *International Fiqh Conference 2016*.
- Muhamad Faisal, A. & Siti Hanisah, S. (2018). Perbincangan Berkaitan Agama dan Ketuhanan Dalam Facebook “Warung Atheist” Dari Perspektif Logik Dan Emosi. *Journal of Islamic Social Sciences And Humanities*, 15(1), 65-79.
- Muhammad Rashidi, W. (2018). Ateisme Satu Penelitian Awal. *JAKIM*.
- Nielsen, K. (2021). *Philosophy & Atheism: In Defense Of Atheism*. Buffalo, N.Y.: Prometheus Books.
- Nik Anuar, N. M., (2009). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nisar Mohammad, A. (2020). Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia. *Jurnal Sains Insani, USIM*, 9-16.
- Prayogo, T. I., & Fathurrizka, H. (2019). Ateisme Dari Perspektif Barat Dan Timur. *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama dan Pemikiran Islam*, 17(1), 105-120.
- Rasyidi, H. M. (1970). *Filsafat Agama*. Bulan Bintang Jakarta.
- Ruslinawati, A. G., & Mohamad Shahril, Z. (2020). Sains dan Teknologi Menurut Perspektif al-Quran: Satu Tinjauan. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*. Universiti Malaysia Perlis.
- Saeed, A. (2006). *Islamic Thought: An Introduction*. London: Routledge.
- The Cambridge Dictionary of Philosophy*. (2015).
- Yaacob, M. F. (2009). *Malaysia: Transformasi Dan Perubahan Sosial*. Malaysia: Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Yusa, M. M. (2016). *Sinergi Sains, Teknologi dan Seni dalam Proses Berkarya Kreatif di Dunia Teknologi Informasi*. STMIK STIKOM Indonesia, Denpasar.
- Zakiah. (2009). *Konsep Zindiq : Kajian Dari Perspektif Pemikiran Islam*. Disertasi Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Zulhilmi, P., Ghani, A., & Rohani. (2010). Darurat Di Tanah Melayu: Peristiwa Dan Pengajaran Untuk Generasi Masakini Dalam Konteks Ketahanan Nasional. In: *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"*. Perlembagaan Persekutuan Negara Malaysia - *Akta 162(2)*.